

## **MALAYSIA ANTARA MINORITI NEGARA YANG MENGGUNAKAN HUKUMAN MATI BAGI KESALAHAN BERKAITAN DADAH KETIKA PELAKSANAAN HUKUMAN MATI GLOBAL MEMUNCAK**

Amnesty International Malaysia

Kenyataan Media

29 Mei 2024

### **Jumlah pelaksanaan hukuman mati tertinggi dalam jumlah negara terendah**

Tahun 2023 menyaksikan jumlah pelaksanaan hukuman mati yang tertinggi direkodkan di seluruh dunia dalam hampir satu dekad, jelas Amnesty International hari ini ketika melancarkan laporan tahunannya mengenai penggunaan hukuman mati secara global, dengan China, Iran, Arab Saudi, Somalia dan Amerika Syarikat menjadi tumpuan sebagai pelaksana hukuman mati paling tinggi pada tahun 2023.

"Kami merekodkan sejumlah 1,153 pelaksanaan hukuman mati di seluruh dunia pada tahun 2023. Angka yang mengerikan ini bukan sahaja menandakan peningkatan 31% daripada tahun sebelumnya, tetapi juga angka tertinggi yang kami rekodkan sejak 2015," kata Katrina Jorene Maliamauv, Pengarah Eksekutif Amnesty International Malaysia. Jumlah global ini tidak termasuk pelaksanaan beribu-ribu hukuman mati yang dipercayai telah dijalankan di China, yang merahsiakan angkanya.

"Secara paradoks, walaupun pelaksanaan hukuman mati berada pada tahap tertinggi sejak 2015, jumlah negara yang melaksanakan hukuman mati pada tahun 2023 adalah yang paling rendah dalam rekod Amnesty, menandakan bahawa negara-negara ini semakin terencil dalam penggunaan berterusan hukuman kejam ini."

### **Semua mata tertumpu pada Malaysia**

Malaysia yang membuat pembaharuan terhadap undang-undang hukuman mati mandatori pada tahun 2023 mendapat pujian antarabangsa—termasuk semasa sesi ke-45 Penilaian Berkala Sejagat (UPR) di Geneva Januari lalu—kerana mengambil langkah kritikal ke arah pemansuhan sepenuhnya hukuman mati.

Proses semakan semula yang diwujudkan tahun lepas untuk memberikan bidang kuasa sementara kepada Mahkamah Persekutuan untuk menyemak hukuman mati mandatori bagi mereka yang telah

menggunakan kesemua proses kehakiman yang lazim, telah menyebabkan penurunan ketara pada jumlah hukuman mati yang dikekalkan. Angka rasmi yang dikongsi di Parlimen pada Mac 2024 menunjukkan bahawa Mahkamah Persekutuan mengekalkan hukuman mati dalam 12 daripada 134 kes yang disemak sejak November 2023 – semua hukuman mati yang dikekalkan adalah untuk kesalahan membunuh.

Hukuman kehakiman atas budi bicara juga menyebabkan lebih sedikit hukuman mati yang dikenakan dan dikekalkan sebagai sebahagian daripada proses kehakiman biasa. Seperti yang direkodkan hasil pemantauan Amnesty International, dalam tempoh enam bulan pertama hukuman kehakiman atas budi bicara dipakai, amat membimbangkan bahawa hukuman mati telah dikenakan dalam 44% kes yang direkodkan di hadapan Mahkamah Tinggi, manakala peratusan ini berkurangan masing-masing kepada 21% dan 25% di hadapan Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan.

Bagaimanapun, pada tahun 2023, Malaysia kekal dalam minoriti negara yang mengekalkan hukuman mati, dan dalam kumpulan yang lebih terpencil terdiri daripada 11 negara yang diketahui telah mengenakan hukuman kejam ini bagi kesalahan berkaitan dadah.

### **Hukuman mati bagi kesalahan berkaitan dadah**

Lebih membimbangkan, sekurang-kurangnya 20 orang telah dijatuhi hukuman mati di Malaysia tahun lepas atas kesalahan berkaitan dadah. Amnesty International menentang hukuman mati dalam apa jua keadaan sebagai pelanggaran hak asasi manusia, adalah menjadi kebimbangan tambahan bahawa kesalahan ini tidak memenuhi ambang "jenayah paling serius" di mana hukuman mati mesti dihadkan di bawah undang-undang dan piawaian hak asasi manusia antarabangsa.

“Bukan sahaja hukuman mati yang berterusan bagi kesalahan berkaitan dadah di Malaysia menyalahi undang-undang dan piawaian antarabangsa; ia juga memberi kesan yang tidak seimbang kepada mereka daripada latar belakang yang kurang bernasib baik, yang sudah pun menghadapi bentuk diskriminasi yang bersilang.”

Pada tahun 2023, hukuman mati bagi kesalahan berkaitan dadah direkodkan di China, Iran, Kuwait, Arab Saudi dan Singapura. Viet Nam juga berkemungkinan besar telah melaksanakan hukuman mati, tetapi maklumat masih tidak tersedia. Apa yang menyedihkan ialah kesemua lima hukuman mati yang dijalankan di Singapura pada 2023 adalah kerana pengedaran dadah, dan beberapa warga Malaysia kekal sebagai banduan akhir di negara itu atas kesalahan ini.

“Penggunaan berterusan hukuman mati bagi kesalahan berkaitan dadah adalah keji. Kita amat memerlukan anjakan paradigma dalam tindak balas keadilan jenayah dan menjauhi rangka kerja punitif ini. Malaysia telah menunjukkan bahawa reformasi kepada undang-undang hukuman mati di rantau ini adalah suatu kemungkinan, dan mesti memimpin negara lain untuk turut sama

menamatkan hukuman mati untuk selama-lamanya. Ini termasuk negara jiran Singapura, di mana hukuman mati berkaitan dadah terus dijalankan — dan di mana nyawa warga Malaysia berada dalam bahaya. Kita mesti bertindak untuk melindungi hak asasi manusia dan menghentikan hukuman mati di mana-mana”.

### **Data tersembunyi dan proses pengampunan yang tidak jelas**

Pada tahun 2023, beberapa negara terus menahan dan menyembunyikan maklumat mengenai penggunaan hukuman mati. Ini termasuk China dan Viet Nam di mana data mengenai penggunaan hukuman mati diklasifikasikan sebagai rahsia negara, serta Belarus dan Korea Utara di mana sedikit atau tiada maklumat tersedia kerana amalan negara yang menyekat. Ketelusan mengenai penggunaan hukuman mati adalah perlindungan kritikal terhadap proses sewajarnya.

Amnesty International juga tetap bimbang kerana kurangnya ketelusan mengenai penggunaan hukuman mati di Malaysia, khususnya yang berkaitan dengan proses pengampunan yang tidak jelas dan berahsia. Amnesty International bimbang bahawa pengendalian petisyen pengampunan secara rahsia di Malaysia – jalan terakhir yang tersedia untuk banduan akhir sebelum pelaksanaan hukuman mati – telah menambah lagi trauma mental banduan dan keluarga mereka, dan lebih memburukkan kelemahan sistemik yang menjejaskan pelaksanaan hak mereka untuk semakan terakhir ini.

### **Undian untuk hak asasi manusia – seruan global untuk moratorium hukuman mati**

Walaupun kerajaan menyatakan di Parlimen pada Mac 2024 bahawa tiada keputusan dasar dibuat untuk menarik balik moratorium hukuman mati di Malaysia, belum ada sebarang pengesahan bahawa ia akan dilanjutkan sehingga hukuman mati dimansuhkan sepenuhnya.

“Kami mengalu-alukan pengesahan kerajaan bahawa moratorium hukuman mati masih kekal buat masa ini, tetapi selagi orang masih dihukum mati, risiko moratorium ini ditarik balik tidak boleh dipandang remeh. Kita tidak boleh mengambil satu langkah ke hadapan dan dua langkah ke belakang dengan menyambung semula hukuman mati di Malaysia.”

Walaupun terdapat peningkatan dalam pelaksanaan hukuman mati di beberapa negara, trend global kekal memihak kepada pemansuhan. Mahkamah Perlembagaan Taiwan pada masa ini sedang mempertimbangkan cabaran kehakiman mengenai perlembagaan hukuman mati, manakala rang undang-undang pemansuhan di Zimbabwe sedang menunggu pertimbangan segera oleh Parlimen.

Pada akhir tahun 2024, sesi ke-79 Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu akan menawarkan Malaysia peluang untuk memperbaharui komitmennya terhadap hak asasi manusia di hadapan masyarakat antarabangsa dan menunjukkan sokongannya terhadap resolusi ke-10 mengenai moratorium penggunaan hukuman mati.

**AMNESTY  
INTERNATIONAL  
MALAYSIA**

**E: [amnesty@amnesty.my](mailto:amnesty@amnesty.my)**

C-3-23, 8 Avenue Business Centre,  
Jalan Sungai Jernih 8/1, Section 8,  
46050, Petaling Jaya,  
Selangor, Malaysia



[www.amnesty.my](http://www.amnesty.my)

---

“Perubahan positif yang disaksikan di Malaysia tahun lalu mesti diteruskan. Perjalanan masih jauh dari tamat dan kerajaan tidak boleh berlembang mengambil langkah seterusnya demi membantu Malaysia maju ke arah pemansuhan sepenuhnya.”

TAMAT

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi **Divya Shesshsan**, Pegawai Komunikasi, Amnesty International Malaysia, di [shesshsan@amnesty.my](mailto:shesshsan@amnesty.my)